

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang 1987/88

HSM 212 - Sejarah Politik Malaysia dari Kesultanan Melaka hingga 1941

Tarikh: 31 Oktober 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari.
(3 jam)

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI LAPAN(8) SOALAN.
Jawab EMPAT(4) soalan, termasuk sekurang-kurangnya SATU(1)
soalan daripada setiap Bahagian A, B dan C.

BAHAGIAN A - Melaka

1. "Seorang pembesar yang diterima oleh Cellates dan Orang-orang Melayu lain sebagai Raja pertama mereka telah dipanggil dalam beberapa buah cerita sebagai Parameswara dan di cerita-cerita lain sebagai Iskandar Syah.... Kita tidak boleh mempastikan sama ada nama-nama itu merujuk kepada orang yang sama, yang bermula sebagai Orang Hindu dan kemudian menjadi Orang Islam, atau sama ada Iskandar Syah adalah anak Parameswara, seperti diceritakan oleh orang lain." (G.P. Dartford, *A Short History of Malaya*, yang diterbitkan pada tahun 1958).

Bincangkan kenyataan ini dengan merujuk kepada pensejarahan Melaka.

2. "Dalam hubungan di antara Raja dengan pembesar-pembesarnya di Melaka, kekayaan yang diperoleh dari perdagangan antarabangsa berada baik dan buruknya: sementara kekayaan Raja bertambah, peti para pembesar tempatan juga bertambah dan ini memberi mereka alat untuk menentang kekuasaan Raja."

Sejauh manakah kekayaan daripada perdagangan antarabangsa menyebabkan rasuah dan konflik wujud antara Raja dan pembesar-pembesar di suku akhir Kesultanan Melaka?

.../2

BAHAGIAN B - Malaysia Barat

3. "Kurun ke-18 adalah takat yang rendah dalam sejarah Orang-Orang Melayu Semenanjung." (Leonard dan Barbara Andaya, *Sejarah Malaysia*).

Bincangkan.

4. J.M. Gullick menyatakan bahawa sistem politik Negeri-Negeri Melayu Barat Semenanjung pada abad ke-19 mempunyai pola yang berulang-ulang antara penyatuan dan pemecahan. Bincangkan.

5. Apakah anda menganggap sebagai perubahan-perubahan politik dan sosio-ekonomi yang penting yang telah diperkenalkan oleh Pentadbiran Inggeris di Semenanjung Tanah Melayu antara 1786-1941, dan mengapa?

6. (a) "Bukan menjadi dasar Kerajaan untuk bertanggungjawab terhadap pendidikan orang-orang mendatang di dalam bahasa ibunda mereka sendiri." (W.H. Treacher, Residen General Inggeris, Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1901).

- (b) "Kita harus membaiki keadaan kebanyakan Orang Melayu dan menjadikan anak-anak nelayan atau petani yang lebih baik dari bapanya dan menjadikan ia seorang yang memahami nasibnya sesuai dengan keadaan penghidupan dikelilingnya." (Laporan Tahunan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1920).

Dengan merujuk kepada kedua-dua kenyataan tersebut di atas, bincangkan dasar-dasar Pentadbiran Inggeris terhadap pendidikan di Negeri-Negeri Selat dan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu daripada 1874 hingga 1941.

BAHAGIAN C - Sabah dan Sarawak

7. "Bukan tujuan-tujuan ekonomi seperti dikatakan oleh Lenin yang mendorongkan imperialisme Barat memperolehi jajahan-jajahan, tetapi hanya idealisme Brooke sahaja yang dapat menjelaskan pemerentahan-pemerentahan Brooke di negeri Sarawak". (Pringle, *Rajahs and Rebels*).

Bincangkan.

8. Pentadbiran Sabah di bawah Syarikat Berpiagam Borneo Utara Inggeris merupakan suatu penjajahan yang merugikan. Mengapakah ia tidak diambil alih oleh Kerajaan Inggeris sebelum tahun 1941?

-ooooooo-